

KONSEP USAHAWAN BERJAYA

Usahawan berjaya menurut Steinhoff dan Burgess (1993), ialah individu yang memiliki kepercayaan diri yang tinggi, bekerja keras secara tidak bergantung kepada orang lain dan berani menghadapi risiko untuk berjaya, memiliki kemampuan mengurus organisasi dengan berupaya mengatur matlamat, kreatif dan mampu serta merebut peluang yang ada serta menghadapi cabaran dengan tenang. Bagi beliau lagi, usahawan yang ingin berjaya perlu kepada kekuatan mental serta keteguhan sikap yang tidak mengalah kepada kegagalan. Jika seseorang usahawan gagal dalam menguruskan perniagaan buat pertama kali, tidak bermakna gagal selamanya. Bijak mengatur langkah kembali dengan mengatur strategi terkini mengikut perkembangan semasa, teknik-teknik mengatasi pesaing, keperluan pelanggan adalah kelebihan yang perlu ada pada seseorang usahawan.

Pandangan yang sama dikemukakan oleh Meredith (2002). Usahawan berjaya perlu memiliki unsur-unsur percaya kepada diri sendiri, pekerjaan yang berorientasikan kepada matlamat, berani mengambil risiko, faktor kepimpinan, rasional iaitu berinovatif, kreatif, berpengetahuan serta boleh memimpin. Osborne dan Gaebler (1999) dalam Eman Suherman (2008) memberi penekanan bahawa kejayaan usahawan berkait rapat dengan disiplin, inisiatif, kreatif dan inovatif. Disiplin bermaksud mentaati segala peraturan mengenai dirinya dan sedia melaksanakan atau memperbaiki kesilapan yang

bercanggah dengan etika kerja. Inisiatif ialah sikap untuk menjadi pelopor atau terdapat keinginan melakukan sesuatu tugas lebih awal berbanding orang lain. Tindakan sebegini akan menjadikan usahawan berada pada tahap maju ke hadapan dan tingkah laku tersebut akan menghasilkan idea-idea yang kreatif dan inovatif.

Khairuddin (1996), menjelaskan bahawa budaya hidup yang dimiliki oleh seseorang usahawan menentukan kejayaan dalam aktiviti perniagaan yang diusahakan. Sifat rajin dan mempunyai inisiatif, yakin terhadap keupayaan diri, bersikap positif, bersemangat tinggi, bertenaga, bijak mengambil peluang di samping cekal serta tabah menghadapi dugaan serta cabaran. Usahawan menurutnya perlu bijak mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja, berfokus pada tugasan dan komited pada tanggungjawab.

CIRI-CIRI USAHAWAN BERJAYA

Sekiranya seseorang usahawan itu bersungguh-sungguh untuk mencapai tahap sebagai usahawan berjaya, garis panduan dan syarat-syarat yang perlu diikuti berikut adalah usaha yang perlu dilaluinya. Banyak alat boleh digunakan untuk menilai dan mengukur kecenderungan potensi akan datang usahawan secara individu. Hari ini banyak ujian interaktif secara talian terus dan kuiz berkaitan kecenderungan potensi usahawan untuk menguji tahap potensi keusahawan.

Tujuan ujian penilaian diri usahawan ini ialah untuk memahami kecenderungan potensi usahawan secara individu. Ianya bukanlah untuk mencari sama ada seseorang individu boleh menjadi usahawan atau tidak. Setiap orang mempunyai potensi untuk menjadi usahawan, tanpa mengira umur, bangsa,